

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HKN421 – Karya Agung Melayu

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih TIGA (3) soalan lagi daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A: **Soalan WAJIB dijawab.**

1. Baca petikan berikut dan jawab soalan yang diberikan:

“Yang dimaksudkan dengan karya ulung ialah karya yang berjaya meninggalkan kesan seni, ilmu, falsafah dan nilai budaya dan sosial yang kekal dalam kesedaran atau *psyche* dan ingatan bersama bangsa itu sepanjang sejarahnya.”
(Karya Agung Yayasan Karyawan, 2005: 4)

Bahaskan sejauh mana benarnya pernyataan di atas dalam konteks kedudukan Karya Agung Melayu pada masa lalu dan masa kini.

[100 markah]

Bahagian B

2. Mengikut logik dalaman teks *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*, keruntuhan kesultanan Melayu di Melaka adalah berpunca daripada peristiwa kezaliman Sultan Mahmud Syah membunuh Bendahara Seri Maharaja sekeluarga. Dengan merujuk kepada peristiwa waadat dan kedatangan tentera Peringgi ke Melaka, bincangkan sejauh mana benarnya pernyataan logik dalaman teks tersebut.

[100 markah]

3. Penulisan *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* memperlihatkan ciri-ciri interteks dengan beberapa buah kitab agama, sejarah dan adab yang pernah muncul dalam persuratan Melayu dan Islam. Pilih DUA peristiwa yang memiliki unsur interteks dan kemukakan pandangan bagaimana unsur-unsur tersebut digubah oleh Tun Seri Lanang untuk menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat kepada masyarakat.

[100 markah]

- 3 -

4. Kekuatan *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri sebagai sebuah karya ketatanegaraan sangat berkait rapat dengan pelbagai panduan kepimpinan kepada para pembesar dalam membantu pemerintahan seorang raja. Pilih DUA contoh panduan yang dimaksudkan dan bincangkannya secara kritis kerelevanannya dalam membina teras kepimpinan pada masa ini.

[100 markah]

5. Dalam *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri, terdapat peristiwa Sultan Iskandar Thani berburu binatang liar dan menziarahi makam para alim ulama yang terletak di Pasai. Berdasarkan hujah-hujah yang jelas, perlihatkan kepentingan simbolik peristiwa tersebut kepada pemerintahan seorang raja atau pemimpin.

[100 markah]

6. Berdasarkan peristiwa Hang Jebat derhaka kepada Sultan Melaka seperti tersurat dalam *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*, bahaskan secara kritis tentang suara rakyat yang ingin diperjuangkan dan bagaimana bentuk perbezaan yang wujud dalam pemerian cerita yang terdapat dalam kedua-dua teks tersebut.

[100 markah]

7. Baca petikan berikut dan jawab soalan yang diberikan:

"Kemudian dari itu diperbuatnya suatu buatan, ertinya kebun, terlalu indah-indah, kira-kira empat ribu depa luasnya di sebelah matahari hidup tasik itu. Maka di tamannya pelbagai bunga-bungaan dan aneka-aneka buah-buahan. Maka digelar baginda bustan itu Taman Ghairat" (*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 552)

Bahaskan secara kritis sejauh mana kewujudan Taman Ghairat boleh meningkatkan kedudukan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebuah Karya Agung Melayu.

[100 markah]

- oooOooo -

SULIT